



## PETIKAN TITAH



Tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1445 Hijrah kali ini, ialah "Al-Qur'an Pedomanku".

Tema ini dipilih betul-betul merujuk kepada fungsi Al-Qur'an itu sendiri sebagai suluh atau pedoman hidup kita di dunia dan di akhirat.

Al-Qur'an tidak pernah salah dalam memberikan petunjuk dan pedoman kepada kita, kerana ia adalah "Kalamullah", firman Allah yang semata-mata benar.

Kerana itu sangat beruntunglah bangsa yang komited dengan Al-Qur'an yang membangun dirinya dan negaranya dengan Al-Qur'an, dalam makna, semua rancangan dan kerja-kerja pembangunan itu dipandu oleh Al-Qur'an.

Contoh membangun diri dengan Al-Qur'an ialah belajar membaca, menghafaz dan mengikut ajaran-ajarannya.

Di Brunei alhamdulillah, perkara ini sudah dan sedang berlaku menjadi trend yang digemari oleh semua. Memang menjadi dasar Kerajaan Beta menjadikan Al-Qur'an untuk dibaca dan ditadabbur ayat-ayatnya untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Al-Qur'an tidak syak lagi adalah sumber keberkatan dan kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya. Sebab itu Negara Brunei Darussalam tidak boleh berenggang dari Al-Qur'an. Lalu untuk itu, dalam pendidikan pun, mata pelajaran Al-Qur'an dimartabatkan menjadi mata pelajaran wajib.

**TITAH  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
Sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan  
Bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi**



## **SIDANG EDITORIAL CANANG**

**Penasihat:**

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan  
Setiausaha Tetap (Kebudayaan)

**Pengerusi:**

Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris  
Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan

**Pengarang/Sumber Berita:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Jabatan Penerangan

**Susun Atur dan Penyelaras**

Unit Perhubungan Awam  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Penyunting**

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha  
Pegawai Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka

**Pruf dan Penyemakan:**

Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit  
Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

**Fotografi:**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Dewan Bahasa dan Pustaka  
Jabatan Muzium-Muzium  
Pusat Sejarah Brunei  
Jabatan Belia dan Sukan  
Jabatan Pembangunan Masyarakat

**Terima Kasih atas Ihsan foto kepada:**

Jabatan Penerangan

**KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA  
TUAN YANG TERUTAMA MOHAMMED ABDULLAH H. ALBURAITHIN,  
DUTA BESAR ISTIMEWA DAN MUTLAK KERAJAAN ARAB SAUDI KE  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 21 Syawal 1445 / 1 Mei 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Alburaitin, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam.

Majlis berlangsung di Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Fauziah binti Haji Abdul Hamid, Pengarah Penyelidikan, Perkembangan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kedua-dua belah pihak menyen tuh beberapa isu semasa yang menjadi keperihatinan dan kepentingan bersama.

## **PERLAWANAN FUTSAL PERSAHABATAN BERSEMPENA ULANG TAHUN KE-40 HUBUNGAN DIPLOMATIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA**



**PERLAWANAN FUTSAL PERSAHABATAN BERSEMPENA ULANG TAHUN KE-40  
HUBUNGAN DIPLOMATIK NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN MALAYSIA**

Khamis, 02 Mei 2024 di Gelanggang Futsal, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam

**SURUHANJAYA TINGGI  
MALAYSIA, BANDAR SERI  
BEGAWAN,** Khamis, 22 Syawal 1445 / 2 Mei 2024 - Pada tahun ini, iaitu tahun 2024, merupakan tahun yang bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam dan Malaysia kerana telah menyambut Ulang Tahun Penubuhan Diplomatik Ke-40.

Antara acara yang disusun bagi meraikan ulang tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 ini, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam telah menjemput Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menyertai Perlawanan Futsal Persahabatan Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Perlawanan Futsal Persahabatan Ulang Tahun Ke-40 hubungan

diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah diadakan di Gelanggang Futsal, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam.

Hadir bagi menyaksikan perlawanan tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Perlawanan Futsal Persahabatan Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah melibatkan tiga (3) buah pasukan, iaitu pasukan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam selaku hos Perlawanan. Format perlawanan berkenaan dijalankan secara Liga Satu Pusingan (Round Robin).

Keputusan perlawanan tersebut dijuarai oleh pasukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan setelah menewaskan pasukan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dengan jaringan 5 – 1 dan menang tipis dengan pasukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan jaringan 3 – 2.

Perlawanan Futsal Persahabatan Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dan Malaysia diakhiri dengan penyerahan hadiah kepada pemenang yang telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Turut menyertai perlawanan tersebut ialah Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukunan), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan) dan Yang Mulia Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh, Pemangku Timbalan Pengetua Pusat Sejarah Brunei.

**Sambungan Muka Surat 4**



# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI 1445/2024 BERSAMA PELATIH-PELATIH PUSAT BAHAGIA DAN RESIDEN/PENGHUNI KOMPLEKS RUMAH KEBAJIKAN (KRK)



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 Syawal 1445 / 4 Mei 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan anjuran bersama Kementerian Pembangunan dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri 1445/2024 bersama pelatih-pelatih Pusat Bahagia dan residen/penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bertempat di Dewan An-Naura Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat bersama ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KELUARGA KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2024



MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2024

Sabtu, 04 Mei 2024 di Masjid Ash-Shaliheen

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 25 Syawal 1445 / 4 Mei 2024 - Bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan 2024, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan Majlis Kesyukuran di Masjid Ash- Shaliheen yang disertai lebih daripada 100 orang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis, Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan, ahli-ahli persatuan dan rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## LAWATAN MUHIBBAH DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DI ULU BELAIT



### LAWATAN MUHIBBAH DAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DI ULU BELAIT

Ahad, 05 Mei 2024 di Ulu Belait

**BELAIT**, Ahad, 26 Syawal 1445 / 5 Mei 2024 - Bagi menyambut dan memeriahkan lagi suasana bulan Syawal, tiga buah kementerian iaitu Kementerian Pembangunan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan lawatan muhibbah sempena Hari Raya Aidilfitri di ulu Belait.

Hadir mengetuai rombongan kementerian-kementerian ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## Sambungan Muka Surat 8



## MALAM DEKLAMASI PUISI ANJURAN SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA



### MALAM DEKLAMASI PUISI ANJURAN SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA

Isnin, 6 Mei 2024 di Dewan Suruhanjaya Tinggi Malaysia

**BERAKAS, Isnin, 26 Syawal 1445 / 6 Mei 2024** – Puisi merupakan salah satu cabang kesusastraan Melayu yang tidak lapuk ditelan zaman dan wajar dimartabatkan dalam semua aspek kehidupan. Pengisian sebuah puisi itu meneroka alam kesenian penggunaan bahasa.

Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan telah mempelopori usaha menganjurkan Malam Deklamasi Puisi yang berlangsung di Dewan Suruhanjaya Tinggi Malaysia.

Majlis ini diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Hubungan Diplomatik di Negara Brunei Darussalam dan Malaysia ke-40 dan juga sempena Hari Puisi Sedunia. Ia juga bertujuan untuk melestarikan dan memperkasakan Bahasa Melayu dan memupuk minat dan budaya berpuisi.

Antara yang mengambil bahagian pada deklamasi puisi berkenaan termasuklah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, mantan Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, mantan Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta-Duta Besar, pemimpin korporat, Naib Canselor universiti tempatan, Penyiar Berita Radio Televisyen Brunei dan ramai lagi.

Beberapa diplomat juga ikut serta yang mendeklamasikan Puisi dalam Bahasa Melayu, diantaranya ialah Tuan Yang Terutama Dato' Reza bin Raja Zaib Shah, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia; Tuan Yang Terutama Jon Virgoe, Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam; Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland, Duta Besar Istimewa dan Mutalak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Luke Arnold, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam; Tuan Yang Terutama Achmad Ubaedillah, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia dan Tuan Yang Terutama Muhammad Taghi Rajab, bakal Duta Besar Republik Islam Iran.

Matlamat utama penganjuran adalah demi memupuk rasa cinta terhadap khazanah puisi serta mempertahankan keindahan budaya dan bahasa Melayu di persada dunia.



# PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 28 Syawal 1445 / 7 Mei 2024 - Pertandingan Pidato Kebangsaan telah diadakan secara fizikal di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas dan juga boleh diikuti melalui penstriman langsung media sosial Facebook Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tetamu Kehormat Pertandingan Pidato Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dan Bulan Bahasa 2023 Peringkat Akhir ialah Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Turut hadir bagi menyaksikan Pertandingan Pidato Kebangsaan ialah Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA 1445/2024



## MAJLIS RAMAH MESRA AIDILFITRI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA 1445/2024

Rabu, 8 Mei 2024 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

**BERAKAS**, Rabu, 29 Syawal 1445 / 8 Mei 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.


Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis adalah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Ramah Mesra Aidilfitri kali ini diselanjurkan dengan Majlis Penyampaian Sijil Perkhidmatan dan Sijil Penghargaan kepada Pesara-Pesara Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-40 tahun, 2024 kepada rakan-rakan strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

### Sambungan Muka Surat 13




# MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1445H/2024M



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu-Jumaat, 29-30 Syawal 1445 dan 1 Zulkaedah 1445 / 8-10 Mei 2024 - Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445H/2024M Peringkat Saringan berlangsung selama tiga hari bermula pada hari Rabu, 8 hingga 10 Mei 2024 bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Seramai 45 peserta qari dan 23 peserta qariah akan memperdengarkan bacaan masing-masing sepanjang tiga hari pertandingan berlangsung.

Daripada jumlah tersebut, seramai 30 peserta teratas yang mempunyai markah 80% ke atas layak ke peringkat separuh akhir yang akan berlangsung pada hari Ahad, 19 Mei 2024 dan seterusnya lima peserta qari dan lima peserta qariah termasuk Johan Menunggu Qari dan Qariah 2023 akan bertanding di peringkat akhir pada hari Khamis, 6 Jun 2024.



# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DARIPADA KEMENTERIAN PERTAHANAN BAGI TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI GAZA 2023



**BERAKAS,** Selasa, 5 Zulkaedah 1445 / 14 Mei 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menerima sumbangan daripada Kementerian Pertahanan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 bertempat di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, yang berjumlah Tujuh Puluh Lapan Ribu Dua Ratus dan Tiga Ringgit (BND 78,203.00).

## **PERUTUSAN YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN SEMPENA SAMBUTAN HARI KELUARGA ANTARABANGSA 2024**



Sambutan Hari Keluarga Antarabangsa disambut pada tanggal 15 Mei setiap tahun di seluruh dunia, selaras dengan pengiktirafan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bahawa unit keluarga adalah institusi yang terpenting dalam masyarakat. Ianya bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan dan meningkatkan lagi keupayaan keluarga dalam menghadapi cabaran serta isu-isu berkaitan dengan keluarga. Maka kita di Negara Brunei Darussalam juga turut menyambut Hari Keluarga pada setiap tahun.

Tema Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun 2024 ini ialah "Keluarga dan Perubahan Iklim: Tahun Antarabangsa Keluarga + 30". Tema ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang cara perubahan iklim memberi kesan kepada keluarga dan peranan yang boleh dimainkan oleh keluarga dalam tindakan iklim. Bencana yang disebabkan oleh iklim telah memberi kesan kepada mata pencarian dan kesejahteraan keluarga serta gangguan kepada infrastruktur, ekonomi, ekosistem dan keselamatan makanan global.

Tema ini juga selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Matlamat 2: Kualiti Kehidupan Yang Tinggi. Matlamat ini bertujuan untuk memberikan kualiti kehidupan yang tinggi setaraf dengan negara-negara maju di dunia. Tumpuan diberikan kepada penyediaan satu ekosistem yang holistik meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti penyediaan kemudahan dan infrastruktur penting, keselamatan negara, penjagaan alam sekitar dan pemberian perlindungan sosial bagi semua lapisan masyarakat.

Perubahan iklim merujuk kepada perubahan jangka panjang dalam corak iklim bumi. Ini termasuk peningkatan suhu dan bencana akibat iklim ekstrem yang lebih kerap yang berpotensi membawa kepada penurunan produktiviti kerja dan peningkatan risiko kesihatan yang akan memberi kesan kepada keseluruhan mata pencarian masyarakat. Oleh itu, komuniti kita mesti bersedia dan dilengkapi dengan pengetahuan yang betul untuk membantu antara satu sama lain untuk mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim.

Apabila kita selaku manusia terbiasa menghormati dan menjaga alam sekitar dan komponennya, secara tidak langsung kita juga sedang berusaha untuk menjaga kesejahteraan masyarakat. Maka disinilah peranan keluarga itu penting seperti pepatah "melentur buluh biarlah dari rebungnya". Anak-anak kita perlu diasuh sebaik mungkin untuk sana-sama memeduli; menyayangi serta menjaga alam sekitar termasuk persekitaran yang bersih dan mempunyai rasa bertanggungjawab akan hidup bekeluarga dan bermasyarakat. Hiduplah di dalam persekitaran yang baik untuk mendapat keluarga yang sihat dan sejahtera

Alhamdulilah, Negara Brunei Darussalam juga menyambut Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) pada setiap hari Ahad pertama dalam bulan Mei sejak tahun 2012 di peringkat negara. Pada tahun ini, sambutan bertepatan dengan sambutan Syawal mulia iaitu 25 Syawal 1445 bersamaan 5hb Mei 2024 dan telah diraikan dengan acara-acara berkebajikan termasuklah Bacaan Doa Keluarga setiap selepas sembahyang fardhu di seluruh masjid, surau dan balai ibadat dan Majlis Kesukuran Sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2024 yang telah diadakan pada hari Sabtu, 4hb Mei 2024.

Dengan Tema "Keluargaku Harapanku", Fokus HKK pada tahun ini adalah "Menerapkan Nilainilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-menayangi; Tanggungjawab; HormatMenghormati; Pemedulian" (Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: "SaTu HaraPan"). Fokus ini masih sangat luas dan relevan untuk digunakan dalam perancangan dan pengukuhan dasar serta program pembangunan institusi keluarga senegara, dan sebagai landasan dalam Pelan Tindakan Intitusi Keluarga di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial, yang telah dikemaskini bagi tahun 2023 hingga 2027 dan akan dilancarkan tahun ini.



Beberapa aktiviti dan inisiatif telahpun dirancang sepanjang tahun ini, dengan kerjasama rakan-rakan strategik sektor kerajaan dan bukan kerajaan secara senegara kearah mengukuhkan institusi keluarga dan memberikan peluang untuk kita semua meluangkan masa berkualiti bersama ahli keluarga, seperti berikut:

- a) Festival Keluarga Harmoni;
- b) Big Kem Family Run anjuran Big Kem Project Company dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan;
- c) Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah (MUAFIQ) anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan;
- d) Bengkel Kemahiran Keibubapaan Islam anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan;
- e) Program Anakku Kesayanganku dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama berbentuk aktiviti yang akan melibatkan penuntut-penuntut sekolah dari peringkat pra hingga pengajian tinggi;
- f) Promosi Pakej Keluarga yang akan ditawarkan oleh syarikat-syarikat perniagaan yang akan juga membantu merangsang aktiviti perekonomian dalam negara.



Selain itu, dari sudut akademik pula, program pendidikan keluarga juga ditawarkan oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah Program Lepas Ijazah, Program Sarjana Muda dan Diploma Pengajian Fiqh Al-Usrah seperti Pengurusan Kewangan Keluarga Islam; Bimbingan dan Kaunseling Keluarga; dan Program Minor Pendidikan Keluarga Islam.

Adalah diharapkan agar semua pihak sama ada dari agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, institusi-institusi, penghulu dan ketua kampung serta pemimpin akar umbi agar terus memberikan komitmen serta kerjasama yang bersepdua terutama dalam menggerakkan acara-acara sambutan sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat organisasi, persatuan, masyarakat ataupun kumpulan keluarga masing-masing.



Keluarga yang stabil, bahagia, menyokong pendidikan, kesejahteraan, dan keselamatan ahli keluarga menyumbang kepada emosi, mental, dan fizikal yang sihat serta tenaga kerja yang produktif. Semua elemen ini memberi kesan positif kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei yang dipupuk dalam keluarga dapat membentuk dasar bagi masyarakat yang stabil dan sejahtera. Insya Allah, dengan adanya usaha dan kerjasama berterusan, dan dengan memanjatkan doa ke Hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, semoga kita akan terus maju dalam rukun damai demi Raja, Negara, Bangsa dan Ugama di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai keluarga yang hidup bahagia - negara Baldatun Tayyibatun Wa Rabbun Ghafur.

Selamat Hari Keluarga Antarabangsa 2024 kepada semua keluarga di Negara Brunei Darussalam.  
"Nilai-nilai Keluarga Brunei: Sayang-menayangi, Tanggungjawab, Hormat-Menghormati, Pemedulian"

## PROGRAM SIRI BICARA INSPIRASI (BISAI): CERAMAH MOTIVASI KESERONOKAN DALAM PEKERJAAN



BERAKAS, Sabtu, 9 Zulkaedah 1445 / 18 Mei 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Unit Perkembangan Sumber Tenaga Manusia, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan telah mengadakan Program Siri Bicara Inspirasi (BiSAI): Ceramah Motivasi Keseronokan Dalam Pekerjaan bertempat di Dewan Teater PM Dato Sharifuddin, Bangunan Arkib Negara, Jabatan Muzium-Muzium.

Ceramah motivasi tersebut disampaikan oleh Yang Mulia Awang Haji Noor Husseini bin Haji Mohd Hussein, Pegawai Latihan, Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri.



## MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL-BAKAL JEMAAH HAJI KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Zulkaedah 1445 / 18hb Mei 2024 - Majlis Doa Selamat bagi bakal-bakal Jemaah Haji Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1445H/2024M telah diadakan di Dewan Citra Budaya, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir menyempurnakan majlis ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang diketuai oleh Yang Mulia Awang Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Seterusnya, ucapan daripada Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan selaku Penggerusi Majlis.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada bakal-bakal Jemaah Haji oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan bacaan doa selamat dibacakan oleh Yang Mulia Ustaz Muhammad Nabil bin Haji Roslan, Pembantu Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan diakhiri dengan Selawat Tafrijiyah dan Sayyidul Istighfar beramai-ramai.

Seramai lapan (8) orang bakal-bakal jemaah haji bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang akan menunaikan fardhu haji bagi musim haji tahun 1445H/2024M.

Turut hadir, Setiausaha - Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai dan Kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya serta Bakal-Bakal Jemaah Haji.



**MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL-BAKAL JEMAAH HAJI BAGI  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DAN JABATAN-JABATAN  
DIBAWAHNYA YANG AKAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI  
BAGI MUSIM HAJI TAHUN 1445H/2024M**

Sabtu, 18 Mei 2024 di Dewan Citra Budaya, KKBS



# PAMERAN MANIK: 1000 TAHUN BERSEMPENA HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Zulkaedah 1445 / 18 Mei 2024 – Dalam usaha untuk mendedahkan mengenai bidang arkeologi terutamanya penemuan bahan artifak berbentuk manik, Jabatan Muzium-Muzium melalui Bahagian Arkeologi dan Monumen mengadakan Pameran Manik: 1000 Tahun bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2024. Majlis Pelancaran bagi pameran ini diadakan pagi tadi di Muzium Maritim Brunei Darussalam.

Pameran Manik: 1000 Tahun ini merupakan kesinambungan daripada Seminar Temuan Arkeologi, Linguistik, Sejarah dan budaya Se-Borneo yang telah diadakan pada 26-27 November 2013 sempena Pameran Manik Se-Borneo yang melibatkan penyertaan muzium-muzium di Kepulauan Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan majlis pelancaran ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis Pelancaran dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada pengurus majlis, Yang Mulia Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus, Pemangku Pengarah Muzium yang menyentuh tentang pentingnya menjadikan sejarah dan warisan budaya sebagai sumber informasi dalam membangun peradaban manusia yang lebih maju bukan sahaja masa ini tetapi juga pada masa akan datang.

Pameran Manik: 1000 Tahun ini dibukakan untuk kunjungan orang ramai selama 3 bulan di Muzium Maritim Brunei Darussalam. Manik-manik yang dipamerkan berusia lebih daripada 1000 tahun yang ditemui di empat tapak utama arkeologi di Negara Brunei Darussalam. Pameran ini juga akan mengadakan beberapa aktiviti sampingan seperti Siri Arkeologi yang akan disampaikan oleh beberapa ahli sejarah dan arkeologi Brunei, aktiviti Kenali Arkeologi dan aktiviti Meneroka Warisan. Program "Mettae Belait Kittah" atau Kenali Belait Kita juga akan diadakan di Muzium Daerah Belait pada 30 Mei 2024.

## Sambungan Muka Surat 21



# MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA TERTINGGI SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN



**BERAKAS**, Sabtu, 8 Zulkaedah 1445 / 18 Mei 2024 - Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan mengadakan mesyuarat pertama bagi membincangkan persediaan-persediaan bagi menyambut Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) kali ke-dua belas yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Hadir selaku Pengerusi Bersama Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan bagi tahun 2024 adalah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Mulia Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan.

Turut hadir ke mesyuarat ini ialah ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta dan persatuan badan-badan bukan kerajaan.



## RIADAH AMAL SEMPENA HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-30



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Zulkaedah 1445 / 19 Mei 2024 — Riadah Amal sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 telah diadakan di Taman Sir Omar 'Ali Saifuddien anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Institut Perkhidmatan Awam.

Hadir merasmikan acara berkenaan dan melepaskan Aktiviti Berbasikal ialah Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke – 30.

Manakala pelepasan bagi aktiviti walkaton lelaki 2.5km dan wanita sejauh 1.6km disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tazkirah Subuh juga merupakan antara pengisian Riadah Amal sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-30.



## MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1445H/2024M PERINGAT SEPARUH AKHIR



MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA KEBANGSAAN 1445/2024  
PERINGKAT SEPARUH AKHIR

Ahad, 19 Mei 2024 di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, BSB



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 10 Zulkaedah 1445 / 19 Mei 2024 - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan Belia dan Sukan telah melaksanakan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445/2024 Peringkat Separuh Akhir bertempat di Dewan Silaturrahim, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Seramai 23 peserta qari dan 7 peserta qariah memperdengarkan bacaan mereka pada peringkat separuh akhir tersebut yang mana 20 peserta bertanding pada sesi pagi dan 10 peserta bertanding pada sesi petang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis menyaksikan musabaqah pada sesi pagi ialah Yang Mulia Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim, Pengarah Belia dan Sukan serta pegawai dan kakitangan Jabatan Belia dan Sukan .

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi Majlis Penyampaian Sijil Peringkat Separuh Akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445/2024 ialah Yang Mulia Dr. Haji Azman bin Ahmad, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan.

## MESYUARAT SEKRETARIAT/MUSYAWARAH MASTERA 2024



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Zulkaedah 1445/20 Mei 2024 – Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi tuan rumah dalam mengendalikan Mesyuarat Sekretariat/Musyawarah Mastera 2024. Mesyuarat diadakan selama dua hari, iaitu pada 20 hingga 21 Mei 2024, bertempat di Hotel J, Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Mesyuarat dibuka rasmi oleh Yang Mulia Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Pemangku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam. Mesyuarat juga dihadiri oleh Perwakilan Negara Anggota Mastera, iaitu

Yang Mulia Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Pemangku Timbalan Pengerusi Mastera Brunei Darussalam, Yang Terhormat Drs. Agus R. Sarjono, Pakar Mastera Indonesia mewakili Sekretaris Mastera Indonesia selaku Ketua Perwakilan Mastera Indonesia, Yang Mulia Puan Roziah binti Mohd. Yunus, Ketua Perwakilan Mastera Malaysia dan Yang Mulia Puan Azizah Zakaria, Ketua Perwakilan Mastera Singapura.

Mesyuarat Sekretariat/Musyawarah Mastera merupakan projek kerjasama kesusteraan di peringkat rantau Mastera yang dianggotai oleh Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Mesyuarat juga merupakan pertemuan sekretariat dan pakar Negara Anggota Mastera, setiap tahun secara bergilir di Negara Anggota Mastera, bagi membincang dan menyelaras program dan projek Mastera serta sebagai persiapan dan persediaan masing-masing negara dalam Sidang Ke-28 Mastera 2024 di Negara Brunei Darussalam yang direncana diadakan pada bulan Oktober 2024.



## MAJLIS MERAIKAN PERWAKILAN NEGARA ANGGOTA MASTERA



MAJLIS MERAIKAN PERWAKILAN NEGARA ANGGOTA MASTERA  
Isnin, 20 Mei 2024 di Restoran Sedaap, D'Anggerek Services Apartment, NBD



www.kkbs.gov.bn @kkbs\_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 11 Zulkaedah 1445/20 Mei 2024 – Dewan Bahasa dan Pustaka selaku Sekretariat Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam pada tahun ini menjadi tuan rumah dalam mengendalikan Mesyuarat Sekretariat/Musyawarah Mastera 2024. Mesyuarat diadakan selama dua hari, iaitu pada 20 hingga 21 Mei 2024, bertempat di Hotel J, Kiulap, Bandar Seri Begawan.

Bagi mengalu-alukan kedatangan perwakilan Negara Anggota Mastera, Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan Majlis Meraikan Perwakilan Negara Anggota Mastera pada hari Isnin, 11 Zulkaedah 1445/20 Mei 2024, pukul 7.15 malam, di Restoran Sedaap, D'Anggerek Services Apartment, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Yang Mulia Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Hairenai binti Haji Awang Damit, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, pegawai-pegawai kanan Dewan Bahasa dan Pustaka, para pakar dan ahli Negara Anggota Mastera.

# MAJLIS PELANCARAN PESTA PANTUN MELAYU BRUNEI



MAJLIS PELANCARAN PESTA PANTUN MELAYU BRUNEI  
Selasa, 21 Mei 2024 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) [@kkbs\\_brunei](#) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](#)

**BERAKAS**, Selasa, 12 Zulkaedah 1445 / 21 Mei 2024 - Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan mengungkayahkan Pesta Pantun Melayu Brunei selama dua hari bermula pada hari Selasa, 21 Mei 2024 hingga Rabu, 22 Mei 2024. Majlis Pelancaran Pesta Pantun Melayu Brunei diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan pelancaran Pesta Pantun Melayu Brunei dan buku-buku terbaharu terbitan DBP seterusnya penyerahan sumbangan buku Babatan Pantun Melayu Brunei kepada setiap wakil daerah, penyampaian buku terbaharu kepada penulis-penulis serta sijil kepada rakan-rakan strategik ialah Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



## MAJLIS PENUTUP PESTA PANTUN MELAYU BRUNEI

**BERAKAS**, Rabu, 13 Zulakedah 1445 / 22 Mei 2024 - Majlis Penutupan Pesta Pantun Melayu Brunei diadakan di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah, cenderamata dan sijil seterusnya penutupan Pesta Pantun Melayu Brunei ialah Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin, Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



MAJLIS PENUTUPAN PESTA PANTUN MELAYU BRUNEI  
Rabu, 22 Mei 2024 di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka



## **19TH ASIA/OCEANIA INTERGOVERNMENTAL MINISTERIAL MEETING ON ANTI-DOPING IN SPORT**



**TASHKENT, UZBEKİSTEN**, 13 Zulkaedah 1445 / 22 Mei 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menyertai *19th Asia/Oceania Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport* yang diadakan di Tashkent, Republik Uzbekistan. Mesyuarat tersebut dihoskan oleh Kementerian Sukan Republik Uzbekistan bersama *National Anti-Doping Agency of Uzbekistan (UzNADA)* dengan kerjasama *World Anti-Doping Agency (WADA)*.

19th *Asia/Oceania*

*Intergovernmental Ministerial Meeting on Anti-Doping in Sport* telah dirasmikan dengan Ucapan Pembukaan daripada Tuan Yang Terutama Adikham Ikramov, Menteri Sukan Republik Uzbekistan selaku Pengerusi dan Ucapan Alu-aluan Tuan Odil Abdurakhmanov, Penasihat kepada Presiden Republik Uzbekistan.

Mesyuarat yang dihadiri oleh Menteri-menteri dan perwakilan daripada 46 negara rantau Asia dan Ocenia ini merupakan wadah bagi negara-negara ahli untuk membincangkan peranan dan tanggungjawab sepertimana yang digariskan dalam World Anti-Doping Code, dan juga cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaannya

Semasa Mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri telah mengongsikan kedudukan dan cabaran yang dihadapi oleh Negara Brunei Darussalam dalam mematuhi peraturan dan mengikuti program-program Anti-Doping yang dianjurkan oleh WADA dan agensi-agensi lain yang berkenaan.

WADA telah ditubuhkan pada 1999 sebagai sebuah agensi bebas antarbangsa yang mengetuai gerakan kolaboratif di seluruh dunia ke arah sukan yang bebas doping. WADA berperanan utama dalam menyediakan, mengharmonikan dan menyelaras peraturan dan dasar anti-doping yang merentasi semua sukan dan negara. Antara aktiviti utama yang dilaksanakan ialah penyelidikan saintifik dan sains social; pendidikan; risikan dan penyiasatan; pembangunan kapasiti anti-doping; dan pemantauan pelaksanaan Program Anti-Doping Program Dunia. Keahlian Negara Brunei Darussalam dalam WADA diwakili oleh Komiti Anti-Doping Brunei Darussalam (BDADC) yang telah ditubuhkan sejak 2006. Antara aktiviti yang dilaksanakan oleh BDADC ialah memberikan program Pendidikan Anti-Doping dan menjalankan ujian sampel atlet negara yang akan menyertai kejohanan sukan serantau dan antrabangsa.

Semasa Menghadiri Mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Menteri juga telah berkesempatan mengadakan perjumpaan secara berasingan bersama Tuan Yang Terutama Adikham Ikramov, Menteri Sukan Republik Uzbekistan dan juga Tuan Witold Banka, Presiden World Anti-Doping Agency. Antara perkara yang dibincangkan semasa perjumpaan-perjumpaan tersebut ialah pertukaran maklumat mengenai bidang kesukanan, kedudukan berkaitan anti-doping serta peluang-peluang kerjasama dalam bidang-bidang berkenaan.

Yang Berhormat Menteri disertai oleh wakil-wakil daripada Komiti Anti-Doping Negara Brunei Darussalam dan Pegawai-Pegawai daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



## PAMERAN SENI BERSAMA BAGI MEMPERINGATI ULANG TAHUN KE-40 HUBUNGAN DIPLOMATIK ANTARA REPUBLIK KOREA DAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



Sabtu, 25 Mei 2024 di Galeri Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja (Brunei Energy Hub)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 16 Zulkaedah 1445 / 25hb Mei 2024 – Pameran Seni Bersama bagi memperingati ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam diadakan selama tiga hari iaitu bermula pada 25hb Mei 2024 hingga 27 Mei 2024 di Galeri Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Hadir merasmikan Pameran Seni Bersama ialah Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) bersama Tuan Yang Terutama Kim Soung-Eun, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea Ke Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Dato Paduka Haji Shofry bin Haji Abdul Ghafor, Presiden Brunei Art Forum dan Yang Mulia Heo Sook, Penggerusi Korea-Art (K-Art).

Seramai 68 orang pelukis dari Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea mengikuti Pameran Seni Bersama ini dan sebanyak 65 lukisan dan 3 kraftangan Republik Korea telah dipamerkan.

Objektif bagi mengadakan Pameran Seni ini adalah untuk mempromosi pertukaran budaya dan jalinan persahabatan antara Republik Korea dan Negara Brunei Darussalam melalui gabungan pameran seni untuk memperingati Ulang Tahun ke-40 Hubungan Diplomatik.



www.kkbs.gov.bn @kkbs\_brunei Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



## **YANG BERHORMAT MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN MENGADAKAN LAWATAN KE REPUBLIK TURKIYE**



**ISTANBUL, TURKIYE**, Sabtu, 15 Zulakedah 1445 / 25 Mei 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah membuat lawatan ke Republik Turkiye pada 23 hingga 25 Mei 2024.

Lawatan Yang Berhormat Menteri merupakan kesinambungan kepada Penandatangan Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Turkiye mengenai Kerjasama Kebudayaan dan juga Protokol mengenai Kerjasama antara Arkib Negara Brunei Darussalam dan Direktorat Arkib Negara bagi Pejabat Presiden Republik Turkiye yang telah ditandatangani pada 7 Mac 2023.



## PROGRAM PERTUKARAN PEMIMPIN BELIA SINGAPURA-BRUNEI KE-9



PROGRAM PERTUKARAN PEMIMPIN BELIA  
REPUBLIK SINGAPURA-NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-9  
Isnin, 27 Mei 2024 di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei



[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) kbs\_brunel Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



**BERAKAS**, Isnin, 18 Zulkaedah 1445 / 27 Mei 2024 - 15 Pemimpin belia dari pelbagai latar belakang profesional meninggalkan Negara Brunei Darussalam hari ini ke Republik Singapura untuk menyertai Program Pertukaran Pemimpin Belia Singapura-Brunei ke-9 selama lima (5) hari.

Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 pemimpin belia berusia 22 hingga 35 tahun dari kedua-dua negara daripada pelbagai latar belakang profesional berkaitan hal ehwal belia dalam bidang Pendidikan, Kepimpinan, Keusahawanan, Pembangunan Komuniti dan Belia, Sains dan Kesihatan serta Kesukarelawanan.

## KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA TUAN LEYE FALADE, PENGARAH URUSAN BRUNEI LNG SENDIRIAN BERHAD



**BERAKAS**, Isnin, 18 Zulkaedah 1445 / 27 Mei 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah menerima kunjungan hormat daripada Tuan Leye Falade, Pengarah Urusan Brunei LNG Sendirian Berhad.

Majlis ini berlangsung di Bilik Kunjungan, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, turut dihadiri oleh Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

## MESYUARAT KE-4 KUMPULAN KERJA AD-HOC UNTUK MEWUJUDKAN PELAN STRATEGIK KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN PASCA-2025



**JERUDONG**, Rabu, 20 Zulkaedah 1445 / 29 Mei 2024 – Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku Sekretariat Kebangsaan bagi Tonggak Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) telah menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Ke-4 Kumpulan Kerja Ad-Hoc untuk Mewujudkan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN Pasca-2025 pada 28 hingga 29 Mei 2024. Mesyuarat telah diadakan di The Empire Brunei, Jerudong.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Ad-Hoc telah ditubuhkan pada bulan Februari 2024 semasa Senior Officials Committee for the ASCC (SOCA) Retreat. Tujuan mesyuarat berkenaan adalah bagi membincangkan penyediaan Pelan Strategik ASCC Pasca-2025 yang mana dijangka akan diluluskan oleh Ketua-Ketua Negara / Kerajaan ASEAN pada tahun hadapan. Mesyuarat ini juga telah mengadakan perbincangan terbuka dengan pihak berkepentingan yang berkaitan dengan ASCC; dan semasa mesyuarat ke-4 ini, pusat-pusat ASEAN dan entity-entiti berkaitan, seperti ASEAN Centre for Climate Change, ASEAN Centre for Biodiversity, dan Asian Partnership for Development of Human Resources in Rural Asia, turut hadir secara fizikal dan juga secara maya.

Mesyuarat Kumpulan Kerja Ad-Hoc ini telah dipengerusikan bersama oleh Tuan Yang Terutama Khamphou Phiasackha, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Pelancongan Republik Demokratik Rakyat Laos selaku Pengerusi ASEAN 2024 dan Puan Yang Terutama Dr. Christina Yeo, Timbalan Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025. Mesyuarat telah dihadiri oleh wakil-wakil dari negara-negara ahli ASEAN dan Tuan Yang Terutama Ekkaphab Phanthavong, Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi ASCC. Timor-Leste turut hadir sebagai negara pemerhati. Delegasi Negara Brunei Darussalam telah diketuai oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Ketua SOCA Negara Brunei Darussalam.

## Sambungan Muka Surat 36





**E-POSTER SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN  
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KE-63**



**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Negara Brunei Darussalam**

**E-mel: [Info@kkbs.gov.bn](mailto:Info@kkbs.gov.bn)**

**Laman Sesawang: [www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn)**

**Instagram: @kkbs\_brunei**

**Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**